TAZKIRAH BULAN RABIUL AWWAL

Oleh: Ust Aris Hazlan Hj Ismail

Rabi'ul Awwal berasal dari dua kalimah iaitu RABI' (ÑÈíÚ) dan AL AWWAL (ÇáÃæá). RABI' bererti musim bunga dan AL AWWAL pula bermaksud yang pertama. Mengikut sejarah orang-orang Arab, musim-musim yang memberikan kegembiraan biasanya disifatkan sebagai Rabi' (winter). Adakalanya musim hujan dan musim sejuk juga adakalanya dipanggil Rabi'.

PERISTIWA PENTING

Antara peristiwa penting yang berlaku di dalam bulan ini ialah:

1. ***Kelahiran Rasulullah SAW***

   Ulama' berselisih pendapat mengenai tarikh sebenar kelahiran baginda. Namun yang masyhurnya, baginda dilahirkan pada hari Isnin, 12 haribulan Rabi'ul Awwal tahun Abrahah menyerang Kaabah dengan tentera bergajah. Tahun itu dikenali sebagai tahun gajah.

2. ***Hijrah Nabawiyyah***

   Setelah 13 tahun berdakwah di Makkah, Rasulullah SAW diarahkan oleh Allah SWT supaya berhijrah ke Madinah yang ketika itu dikenali sebagai Yathrib. Penghijrahan ini bukan atas dasar 'takut' ataupun 'lari'. Akan tetapi ia dilakukan atas dasar kepatuhan kepada perintah Allah SWT.

   Hijrah juga mengajar kita bahawa banyak sudut di dalam ajaran Islam tidak dapat dilaksanakan melainkan setelah ada kuasa pemerintahan. Dengan sebab itu, baginda berhijrah dan mendirikan kerajaan Islam di Madinah. Dengan adanya kuasa pemerintahan sendiri banyak hukum hakam Islam dapat dilaksanakan seperti undang-undang sosial, ekonomi, hukum hakam jinayah dan sebagainya, yang mana ianya tidak dapat dilaksanakan jika tiada kuasa.

   Hijrah juga mengajar kita betapa perlunya pengorbanan harta dan jiwa raga demi untuk Islam. Para sahabat Rasulullah SAW sanggup meninggalkan harta benda, rumah dan saudara-mara mereka semata-mata menyahut seruan Allah.

3. ***Kewafatan Rasulullah SAW***

   Kewafatan baginda juga berlaku pada hari Isnin daripada bulan ini. Baginda wafat pada tahun 11 hijriyyah pada usia 63 tahun mengikut kiraan kelendar hijriyyah. Baginda wafat di sisi Aisyah dan dikebumikan di tempat baginda menghembuskan nafas terakhir. Kini tempat (kubur) tersebut sudah termasuk di dalam Masjid Nabawi hasil pembesaran bangunan masjid.

   Sememangnya ajal maut di tangan Tuhan. Tetapi perlu diingatkan, bahawa kewafatan baginda Nabi Muhammad SAW ini adalah rentetan daripada sihir yang dilakukan oleh kaum Yahudi di Madinah ke atas baginda. Walaupun

baginda terselamat di dalam cubaan berkenaan, namun kesan sampingannya menyebabkan baginda menderita sakit beberapa minggu dan akhirnya beliau dipanggil oleh Allah ke alam baqa'.

Sesungguhnya mereka yang paling pedih azabnya di hari akhirat kelak ialah orang yang membunuh para nabi dan orang yang dibunuh oleh para nabi.

KENALI RASULULLAH SAW

Bersempena dengan bulan yang mulia ini, ada baiknya kita menyemak kembali engetahaun kita mengenai Rasulullah SW. Di bawah ini diperturunkan pengenalan mengenai nabi kita Muhammad SAW secara ringkas:

* NAMA DAN KETURUNAN

1. *Silsilah keturunan sebelah bapa:*
   Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hashim bin Abdu Manaf bin Qusay bin Kilab bin Murrah

2. *Silsilah keturunan sebelah ibu:*
   Muhammad bin Aminah binti Wahab bin Abdu Manaf bin Zuhrah bin Kilab bin Murrah

* KELAHIRAN

1. Dilahirkan dalam keadaan yatim pada 12 Rabi'ul Awwal tahun Gajah bersamaan 20/4/571M di Kota Suci Makkah Al Mukarramah
2. Bapanya (Abdullah) meninggal dunia ketika baginda dalam kandungan ibunya.
   Ibunya pula meninggal dunia ketika baginda berusia 6 tahun
3. Bidannya ialah As Syifa' (ibu kepada Abdul Rahman bin Auf)
4. Ibu susunya ialah: Thuaibah dan Halimatus Sa'diah
5. Saudara sesusunya: As Syaima' dan Abu Salamah bin Abdul Asad

* USIA BAGINDA

1. Ketika berkahwin dengan Khadijah: 25 tahun
2. Ketika turunnya wahyu pertama: 40 tahun
3. Ketika berhijrah ke Madinah: 53 tahun
4. Ketika menyertai peperangan Badar: 55 tahun
5. Ketika wafat: 63 tahun (perkiraan ini adalah mengikut kiraan hijriyyah qamariyyah)

* ISTERI-ISTERI BAGINDA

1. Khadijah binti Khuwailid
2. Aisyah binti Abu Bakar
3. Saudah binti Zam'ah
4. Hafsah binti Umar
5. Zainab binti Khazimah

6. Ummu Salamah Hindun binti Umaiyyah
7. Zainab binti Jahsyi
8. Ramlah binti Abu Sufian
9. Juwairiah binti Al Harith
10. Sofiyyah binti Huyai
11. Maimunah binti Al Harith

- Baginda wafat dengan meninggalkan 9 orang isteri yang masih hidup
- Hamba perempuan baginda ialah Mariah Al Qibtiah dan Raihanah binti Amru

*** PUTERA-PUTERI BAGINDA**

- Daripada Khadijah:

1. Zainab
2. Ruqayyah
3. Ummu Kalthum
4. Fatimah
5. Al Qasim
6. Abdullah

- Daripada Mariah:

1. Ibrahim

*** BAPA DAN IBU SAUDARA**

1. Bapa saudara: Zubair, Abu Talib, Abdul Kaabah (meninggal sewaktu masih kecil), Al Abbas, Al Harith, Abdul Uzza, Naufal, Al Muqawwam, Al Mughirah, Hamzah
2. Ibu saudara: Ummu Hakim Al Baidha', 'Atiqah, Sofiyyah, Barrah, Umaimah, Arwa
3. Yang memeluk Islam hanyalah: Hamzah, Al Abbas dan Sofiyyah

*** MUKJIZAT BAGINDA**

Antara mukjizat baginda ialah:

1. Kitab suci Al Qur'anul Karim
2. Peristiwa Isra' dan mi'raj
3. Menerima (daripada Allah) dan menyampaikan khabar berita yang telah dan akan berlaku serta perkara2 ghaib
4. Tunggul kurma menangis dan bersedih hati untuk berpisah dengan baginda
5. Makanan yang sikit cukup dimakan oleh jumlah sahabat yang ramai
6. Keluar air dari celah-celah jarinya
7. Memenangi peperangan dalam keadaan jumlah tentera baginda jauh lebih sedikit daripada jumlah tentera musuh
8. dan lain-lain lagi

*** AKHLAK BAGINDA**

1. Akhlak baginda adalah berdasarkan Al Qur'an
2. Baginda adalah manusia paling bersopan santun
3. Baginda adalah manusia paling berani (tetapi bukan pembengis)
4. Baginda adalah manusia paling amanah (digelar Sadiqul Amin)
5. Baginda adalah manusia paling bertaqwa
6. Tawadhu' (rendah diri)
7. Zuhud terhadap dunia (kehidupannya simple)
8. Lebih banyak diam daripada berkata-kata
9. Mudah mesra, sentiasa memulakan memberikan salam
10. Tidak berlebih-lebih dalam memuji dan mencela
11. Ketawanya hanyalah senyuman
12. Menyayangi kanak-kanak dan menghormati orang tua

*** SIFAT FIZIKAL BAGINDA**

1. Rupa parasnya kacak
2. Kulitnya puti kemerah-merahan
3. Ketinggiannya sederhana (tidak terlalu tinggi / rendah)
4. Hidungnya mancung
5. Dahinya luas
6. Antara dua bahunya (belikat) ada tanda Khatamun Nubuwwah (tanda kenabian)
7. Jauh antara dua bahunya (dada bidang)
8. Berjalan laju dan tunduk
9. Janggutnya lebat

*** PAKAIAN/SENJATA/KENDERAAN**

1. As Sahab : nama serban baginda
2. Al Fathu : nama rida' (kain selepang) baginda
3. Zulfaqar : nama pedang baginda
4. Al Mathwa : nama lembing baginda
5. Al Anzah : nama tombak baginda
6. Al Katum : nama panah baginda
7. Az Zaluq : nama perisai baginda
8. Al Murtajiz : nama kuda baginda
9. 'Ufair : nama kaldai baginda
10. Al Adhba' dan Al Qaswa': nama unta baginda
11. Ghauthah : nama kambing baginda
12. Ar Rayyan : nama cebuk (gayang) baginda

*** PENGLIBATAN DALAM PEPERANGAN**

1. 27 kali terlibat dalam peperangan menentang golongan kuffar
2. 9 kali turun berperang (mengangkat senjata) iaitu Badar, Uhud, Khandak (Ahzab), Quraizah, Mustaliq, Fathu Makkah, Hunain, Taif dan Khaibar
3. 40 kali mengutuskan pasukan perang melancarkan operasi (sariyah)